

# Umat Islam perlu jadi perintis inovasi, ilmu baru

UM-16/2/2007

Oleh IZWAR ABDUL WAHID

**KUALA LUMPUR** 15 Feb.

- Umat Islam perlu menjadi perintis inovasi dan ilmu baru bagi mengurangkan kebergantungan Islam kepada bangsa lain di dunia, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, harapan itu boleh direalisasikan kerana sejarah membuktikan bahawa ilmuwan Islam merupakan perintis inovasi dan teknologi dunia moden.

"Mengapa kita sevenangnya menyerahkan soal inovasi Sains dan Teknologi kepada bangsa lain dan kita sekadar menjadi pak turut?"

"Persoalan ini perlu direnung dan dijadikan iktibar untuk kita kembali memartabatkan Islam yang semakin terhakis hari demi hari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam: Sains Islam Mendahului Zaman di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Najib berkata, generasi muda Islam perlu bangkit membela nasib ummah dan mengangkat kembali maruah mereka melalui penguasaan ilmu pengetahuan yang membawa kemajuan serta kemakmuran.

Islam, jelasnya, telah mendahului zaman dengan pelbagai produk berinovasi ketika dunia Barat dan Eropah masih dalam zaman kege-

lapan.

Bagaimanapun, katanya, umat Islam menjadi mundur apabila dipengaruhi golongan yang menyempitkan tafsiran bahawa agama suci itu hanya mementingkan ilmu akhirat.

"Bangsa lain akhirnya bangkit dan meniplak teknologi Islam dan melabelkannya sebagai produk mereka yang kemudian disanjung dunia," katanya.

Kesan daripada itu, tegas Najib, Islam terus dihina, dicaci dan dikatakan sebagai agama pengganas, kolot serta kejam.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, pameran tamadun Islam yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu seharusnya menjadi titik tolak bagi mengubah tanggapan negatif berkenaan.

"Kehadiran lebih 250,000 pengunjung sepanjang pameran ini membuktikan rakyat Malaysia berminat dengan teknologi dan saya berharap usaha ini menjadi pence- tus kepada kealpaan kita," katanya.

Beliau berkata, pameran yang diadakan dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Sejarah Sains Islam Universiti Johan Wolfgang Goethe, Jerman itu akan membantu melahirkan generasi pemikir Islam.

Terdahulu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis dalam ucapan- nya berkata, pameran berkenaan



**NAJIB Tun Razak mengunci secara simbolik tanda penutupan Pameran Kegemilangan Tamadun Islam sambil diperhatikan oleh Jamaluddin Jarjis di Kuala Lumpur, semalam.**

akan diadakan di setiap negeri di Semenanjung atas permintaan ramai.

Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam itu memamerkan 148 replika instrumen serta peralatan, poster, model dan

manuskrip berkaitan Sains dan Teknologi yang dibangunkan oleh ilmuan Islam lampau. Pameran itu berlangsung sejak 8 Januari lalu.

Semua bahan pameran itu dihasilkan semula berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Penga-

rah dan Pengasas Institut Sejarah Sains Arab-Islam, Dr. Fuat Sezgin.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh.